



## Butik Qa'Ma. EKSKLUSIF & MAMPU MILIK

'JIKA TIDAK DIPECAHKAN RUYUNG, MANAKAN DAPAT SAGUNYA'. ITULAH YANG WAJAR DILAKUKAN OLEH SESIAPA PUN BAGI MEMASTIKAN PULANGAN YANG DIPEROLEH SEPERTI YANG DIINGINKAN. BUKAN HANYA MENEBAR JALA DAN MENGHARAPKAN TUAH MENDATANG. APA PUN, BAGI PASANGAN ROSMARIATI MOHAMAD, 40, DAN SUAMINYA SHAMSUL AZRA MOHD. HUSSAIN, 40, TIDAK PERNAH MENDUGA, PERNIAGAAN YANG PADA MULANYA HANYA SEKADAR HOBI BERTUKAR MENJADI KERJAYA YANG MENGUNTUNGAN, SEHINGGA MAMPU MENGELUARKAN JENAMA SENDIRI DAN SEMAKIN MENDAPAT PERHATIAN WANITA BERTHIJAB, TERUTAMA DI LAMAN SOSIAL.

"Pada mulanya kami hanya menjual 30 pasang busana Muslimah. Dalam tempoh seminggu sahaja habis dijual. Melihat potensi dan masa depan yang terbentang, lebih-lebih lagi pada musim perayaan, mendorong kami untuk lebih serius dalam bidang ini," jelas wanita yang memesrakan diri dengan panggilan Kak Ma ini memulakan bicara.

Mereka memulakan perniagaan dengan menjual busana Muslimah secara dalam talian enam tahun lalu. Melihat kepada peningkatan jumlah pelanggan membuatkan wanita itu yakin untuk memiliki jenama hijab sendiri dan memiliki butik. Dengan itu secara tidak langsung akan lebih meyakinkan pelanggan dan memberi peluang kepada mereka untuk melihat sendiri material sebelum membeli.

Berkat usaha gigih dia dan suami, akhirnya impian itu dapat direalisasikan dengan pembukaan butik Qa'Ma, pada bulan Oktober lalu. Butik ini terletak di Reko Sentral dan dibuka setiap hari, dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam dan ditutup pada setiap hari Isnin.

"Pada bulan puasa tahun lepas, saya dan suami membuka gerai di Uptown, Jalan Reko. Pada masa yang sama, kami turut membuka cawangan di Padang Luas, Jerteh, Terengganu. Sambutan yang diterima di luar jangkaan. Kebanyakan pelanggan datang setelah mengetahuinya daripada Facebook dan Instagram. Melihat keadaan itu, saya dan suami bertekad untuk mengusahakannya secara serius dalam bidang ini. Malah, suami mengambil keputusan untuk berhenti kerja dan menumpukan sepenuh perhatian kepada bisnes," katanya.

### PILIHAN MENARIK

Menariknya selendang di Butik Qa'Ma Exclusive dijual dengan harga yang mampu milik, antara RM50 hingga RM150. Pelbagai pilihan warna dan corak yang menarik ditawarkan selain kain daripada jenis premium satin dan athalia satin yang berkualiti.

"Kami menyediakan edisi terhad, Rose Maria Shawl yang eksklusif, bermotifkan floral buat pelanggan



yang agak berusia. Selain itu kami juga mempunyai tujuh rekaan lain yang setiap satu mempunyai 10 hingga 12 warna. Terbaru, kami mengeluarkan shawl bermotifkan tapak sulaiman, hidupan laut dan emoji demi memenuhi selera pengguna pelbagai lapisan usia," jelas ibu kepada lima orang cahaya mata ini.

Lebih manis, setiap nama rekaan diabadikan sempena nama permata hati mereka. Selendang eksklusif ini bukan sahaja menitik beratkan soal harga, kualiti dan keselesaan, tetapi juga patuh syariah. Sesuai dengan motto nya - anggun, selesa, jelita.

"Untuk mengekalkan kepercayaan pelanggan, yang penting ialah kualiti produk dan material yang dihasilkan, selain corak yang menarik. Jika mereka yakin dan berpuas hati, pelanggan akan 'repeat order' atau mengulangi pembelian untuk kali ke seterusnya. Malah hal itu akan disampaikan dari mulut ke mulut. Selain itu kami turut menyediakan penghantaran percuma kepada pelanggan di sekitar Bangi, Kajang, Sepang dan Kuala Lumpur.

"Akan datang kami merancang untuk mempelbagaikan produk jenama ini dan menjadikan butik kami sebagai pusat sehenti yang menyediakan aksesori wanita, seperti tas tangan, tali pinggang, kasut, jubah, baju kurung, baju kebaya dan sebagainya," ujar Rosmariati penuh bersemangat.

Yakin dengan 'kekuatan' pemasaran secara dalam talian membuatkan dia



selesa dengan cara ini. Pun begitu anak kelahiran Jerteh ini turut menyasarkan untuk membina rangkaian agen dan stokis bagi menguatkan jenama Qa'Ma Exclusive di mata pengguna hijab.

"Pelanggan yang berminat untuk mendapatkan shawl eksklusif dengan harga mampu milik atau mereka yang berhasrat untuk menjadi ejen dan stokis boleh menghubungi kami di talian 019-3265511/019-3255511. Juga boleh melawat laman sosial Facebook Qa'Ma atau instagram qamahijab.

"Untuk menjadi stokis, mereka hanya perlu membeli sekurang-kurang 20 helai shawl untuk satu kategori. Keuntungan yang diperoleh antara 30 peratus hingga 40 peratus. Kami turut mengalu-alukan sesiapa sahaja yang berminat, khususnya ibu tunggal untuk menjadi ejen dropship pula, tidak memerlukan modal. Keuntungan yang diperoleh antara 18 hingga 25 peratus. Malah berpeluang memperoleh keuntungan segera sehingga empat hingga lima angka sebulan. Selain turut berpeluang mendapat insentif pelancongan dan lain-lain. Bergantung pada komitmen," jelasnya mengakhiri bicara.